

# Mustapa: Angin perubahan tumbangkan Pas sudah bermula

UM 16 Sept. 1990  
TANAH MERAH 15 Sept. — Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Kelantan, Datuk Mustapa Mohamed menegaskan bahawa angin perubahan rakyat untuk menumbangkan Pas sudah bermula.

Katanya, ini dapat dilihat dengan kehadiran lebih 20,000 orang pada sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan petang ini yang merupakan jumlah yang sungguh ramai.

“Ini satu rekod di Tanah Merah yang merupakan petanda yang amat baik bahawa angin perubahan sudah bermula. InsyaAllah kita (BN) akan tumbangkan Pas,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Negeri Kelantan yang dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad di padang Sekolah Menengah Tanah Merah (1), di sini hari ini.

Isteri Perdana Menteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali hadir sama.

Sehubungan itu beliau mengucapkan terima kasih kepada jawatan penganjur termasuk Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP), Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) dan agensi-agensi lain yang menjayakan sambutan ini.

Kali terakhir sambutan Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Peringkat Negeri ini ialah pada 12 tahun yang lalu iaitu pada 12 Julai 1990 yang dirasmikan oleh Dr. Mahathir.

Mustapa yang juga Pengerusi Eksekutif Majlis Ekonomi Negara (MTEN) berkata, semua orang maklum bahawa kejayaan Malaysia adalah hasil kepimpinan Dr. Mahathir.

Katanya, malah Dr. Mahathir juga berperanan besar dalam membangunkan sektor pertanian.

“Hanya orang-orang yang pekak, bisu dan tuli sahaja yang tidak tahu. Orang yang mata terang, hati suci semuanya tahu jasa Dr. Mahathir,” tegasnya.

Beliau berkata, kira-kira 340,000 orang atau 27 peratus daripada keseluruhan penduduk negeri ini adalah golongan petani, penternak dan nelayan tetapi nasib mereka belum terbela sepenuhnya.

“Kita kini berharap kepada Kerajaan Pusat, Barisan Nasional untuk membela nasib kita,” tambahnya.